



# Wadah Bahasa dan Sastera

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK



Berminat untuk menulis, sila hubungi **Editor WBS** di talian **082-227000**, atau e-melkan kepada **lilyjoo@dbp.gov.my** dan **penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my**

## Falsafah sebagai ekspresi diri dalam cerpen *Numerologi Usia*

### Bimbingan Cerpen

ABANG MEDIAN ABANG SAID

**CERPEN** ialah sebuah cereka yang dihasilkan dalam sastera moden yang muncul daripada satu pencarian bentuk bagi memuatkan cerita-cerita berdasarkan pengalaman mengikut pengolahan secara konvensi atau non-konvensi. Cerpen sebagai satu genre kesusasteraan umumnya merupakan cerita pendek untuk menggabungkan unsur seperti plot, perwatakan, latar, sudut pandangan dan gaya.

Dengan bilangan watak yang sedikit sesuai dengan kepanjangannya, setiap konflik itu perlu diselesaikan pada bahagian pelerian.

Saya sudah membaca dan mengulas beberapa karya Faizal Jarawi – yang terakhir, saya mengulas cerpen *Sisa Kematian*. Menerusi cerpen *Numerologi Usia*, cerpen Faizal Jarawi sudah mulai meletakkan falsafah pada tahap yang wajar untuk dijalinan dengan jalan cerita untuk memberi satu kesan didaktisme kepada pembaca. Betapa penulis muda ini mempunyai upaya dan keterampilan dalam menangani hasil ciptaannya baik dari segi isi mahupun teknik pengolahannya.

Cerpen ini juga telah cuba mengangkat harga diri dan martabat karyanya untuk berada pada tahap yang lebih tinggi. Sebagai pengarang cerpen, usia kepengarangan Faizal Jarawi masih terlalu muda tetapi telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik.

Pengarang pada kali ini memilih tajuk yang mampu memancing minat pembaca untuk mengetahui jalan cerita yang diketengahkan.

Makna 'Numerologi' itu sendiri telah menimbulkan

banyak tanda tanya kepada pembaca. Apabila pembaca mengetahui maksudnya (mungkin setelah merujuk kepada kamus), perasaan ingin tahu itu akan lebih melonjak untuk mengaitkannya dengan jalan cerita yang diolah. Numerologi bermaksud sebarang sistem, tradisi atau kepercayaan dalam hubungan mistik atau esoterik antara nombor dan benda hidup. Numerologi dan ramalan numerologi tidak lagi menjadi sebahagian daripada matematik sebaliknya dianggap sebagai pseudo matematik oleh ilmuwan moden. Numerologi sering dikaitkan dengan ilmu ghaib sebagaimana astrologi dan sebagainya. Perkara ini menjadi menarik untuk dikaitkan dengan cerpen ini yang mengetengahkan sesuatu yang agak mistik untuk melihat realiti dalam masyarakat. Pengarang berani mengeksplorasi elemen-elemen sastera dan membuat sedikit kejutan dalam cerpennya.

Menerusi cerpen ini, pengarang membuat percubaan mengadaptasi realiti dan persekitaran masyarakat. Kesannya, pembaca dihadapkan dengan pengolahan penceritaan yang lebih segar dengan mengandunkan elemen-elemen antara realiti, ilusi, fantasi, imaginasi dan kreativiti.

Biarpun dengan pengalaman penulisan yang masih baharu, pengarang telah berjaya menjalinkan semua elemen tersebut dengan falsafah hingga menghasilkan kesan yang menarik.

Pada bahagian pendahuluan, pengarang sudah mampu merangsang minat pembaca untuk mengikuti jalan cerita yang dihasilkan. Pengolahan bahasa yang ringkas dan jelas terus

menarik seperti yang tanpa disunting dan dimbingkan untuk cerpen Januari 2021.

JARAWI

menimbulkan fitnah. Aku perlu mengkaji numerologi umumnya. Mungkin ada kaitan dengan makhluk yang berbentuk silinder itu. Tetapi aku tidak pasti bilangan makhluk aneh yang diceritakan oleh mereka. Sebabkan saiznya yang kecil mungkin dalam kuantiti yang banyak. Kakiku menggeletar. Mengapakah aku harus berasa takut? Seorang wanita yang baik seperti Cik Cengkerang tidak mungkin mengamalkan ilmu hitam.

Rutin aku di pejabat pagi ini seperti hari-hari sebelumnya. Berhadapan dengan skrin komputer untuk menyiapkan kertas kerja tentang kempen alam sekitar. Aku yakin, idea aku kali ini akan diterima oleh majikan kami. Tema yang aku pilih ialah garisan selat. Ia hanya pelik

sepejabat. Mungkin kali ini nasibku baik dan dapat melihat makhluk aneh itu. Aku beranikan diri dan melangkah menghampiri meja Cik Cengkerang.

Mataku memerhati permukaan kulit wajahnya. Tiada garisan penuaan di bahagian kelopak mata dan dahinya. Mustahil aku terus bertanyakan tentang



sepejabat. Mungkin kali ini nasibku baik dan dapat melihat makhluk aneh itu. Aku beranikan diri dan melangkah menghampiri meja Cik Cengkerang.

Mataku memerhati permukaan kulit wajahnya. Tiada garisan penuaan di bahagian kelopak mata dan dahinya. Mustahil aku terus bertanyakan tentang

sepejabat. Mungkin kali ini nasibku baik dan dapat melihat makhluk aneh itu. Aku beranikan diri dan melangkah menghampiri meja Cik Cengkerang.

Mataku memerhati permukaan kulit wajahnya. Tiada garisan penuaan di bahagian kelopak mata dan dahinya. Mustahil aku terus bertanyakan tentang

sepejabat. Mungkin kali ini nasibku baik dan dapat melihat makhluk aneh itu. Aku beranikan diri dan melangkah menghampiri meja Cik Cengkerang.

Mataku memerhati permukaan kulit wajahnya. Tiada garisan penuaan di bahagian kelopak mata dan dahinya. Mustahil aku terus bertanyakan tentang

sepejabat. Mungkin kali ini nasibku baik dan dapat melihat makhluk aneh itu. Aku beranikan diri dan melangkah menghampiri meja Cik Cengkerang.

membawa pembaca ke dalam cerita berkenaan:

Kulit muka yang bersih dan tidak mempunyai kesan calar dikatakan mengeluarkan sesuatu yang ganjil. Makhluk aneh yang keluar dari liang pori kulit muka wanita itu dikatakan berbentuk silinder dan boleh bergerak-gerak. Tapi saiznya agak kecil. Rakan sepejabat menggelar wanita itu Cik Cengkerang. Tahun ini genap umurnya 38 tahun tetapi belum lagi menerima lamaran daripada lelaki-laki yang ingin menyuntingnya sebagai isteri.

Elemen mistik yang cuba diketengahkan oleh pengarang ialah tentang makhluk aneh yang berbentuk silinder keluar daripada pori-pori kulit watak antagonis cerpen itu iaitu Cik Cengkerang. Makhluk halus yang keluar dari kulit Cik Cengkerang itu dirinci dengan baik oleh pengarang sehingga pembaca dapat merasai kewujudan makhluk tersebut. Pengolahan secara deskriptif telah berjaya dimanipulasikan oleh pengarang untuk menggerakkan cerpennya dengan baik:

Beberapa hari yang lepas, cermin besar yang ada di pejabat seperti mengiak tentang kewujudan makhluk yang keluar dari kulit mukanya. Kata rakan sepejabat, kepalanya akan memanjang ke hadapan apabila berjaya masuk ke dalam liang pori kulit muka mangsanya. Dan kembali semula ke dalam cangkerang apabila berjaya masuk ke dalam kulit muka manusia lain. Makhluk aneh itu keluar dari kulit muka Cik Cengkerang serentak ketika mulutnya terbuka luas. Makhluk itu juga dikatakan masuk melalui liang pori kulit manusia. Mungkin makhluk itu penjaganya. Ah, semua itu syirik.

Kejadian yang mistik dan agak pelik itu cuba dikaitkan oleh pengarang dengan usia Cik Cengkerang yang berumur 38 tahun tetapi belum lagi menerima lamaran daripada lelaki-laki yang ingin menyuntingnya sebagai isteri. Dia pernah mengatakan bahawa akan menerima lamaran pada usia 40 tahun. Bagi seseorang wanita, berkahwin di usia sebegini merupakan satu tekanan tetapi bagi Cik Cengkerang semua itu menjadi prinsip yang perlu

dipertahankan. Seperti juga tajuk cerpen ini, pengarang sengaja membina teka-teki di sebalik usia yang dipilihnya. 'Aku' sebagai watak utama cerpen berkenaan cuba mengkaji numerologi umur Cik Cengkerang. Dia mengaitkannya dengan makhluk yang berbentuk silinder itu.

'Aku' masih beranggapan bahawa Cik Cengkerang merupakan seorang wanita yang baik tanpa mempedulikan persepsi rakan-rakan pejabatnya yang lain. Dia menyiapkan kertas kerja tentang kempen alam sekitar. Pengarang sengaja mengaitkan kertas kerja yang ditangani oleh watak 'aku' yang ada kaitan dengan nama Cik Cengkerang dan juga makhluk aneh berbentuk silinder yang akhirnya dikaitkan dengan ambal. Dia nekad untuk berjumpa dengan Cik Cengkerang dan ingin melihat sendiri makhluk berbentuk silinder yang diceritakan oleh rakan sepejabatnya. Dia memberanikan diri menghampiri meja Cik Cengkerang. Sepanjang perbualan antara mereka, tidak ada sesuatu pun yang muncul dari kulit wajah Cik Cengkerang.

Semua itu mengganggu konsentrasi 'aku' untuk menyiapkan kertas kerjanya sehingga persoalan itu terbawa-bawa sehingga dia balik ke rumah.

Gangguan tentang makhluk aneh itu telah menyebabkan 'aku' menceritakan perkara itu kepada ibunya yang mengaitkan makhluk itu dengan ambal. Pengarang bijak mengaitkan semua elemen tersebut sehingga menyatukan dalam sebuah cerita yang saling berkait antara satu sama lain. Penceritaan pengarang begitu lancar terutama apabila mengaitkan tentang kegigihan 'aku' sewaktu kecil yang ingin mengikuti ayah dan ibunya mencari ambal di kawasan pasir berlumpur. Teknik imbas kembali yang digunakan oleh pengarang menghidupkan lagi jalan cerita cerpen berkenaan terutama tentang 'Pesta Ambal' yang diadakan di Pekan Kecil Asajaya. Pengetahuan pengarang tentang cara mengambil ambal telah menyebabkan pembaca seolah-olah berada dalam cerpen berkenaan. Pengarang menceritakan tentang ayah 'aku' yang meraut batang buluh menjadi sekecil penyapu lidi yang digunakan sebagai mata kail untuk mengumpukan ambal selain disediakan penugal yang digunakan untuk mencari lubang ambal yang ada di dalam pasir berlumpur. Kayu Penugal akan ditusuk ke dada pasir.

Jika ada ambal di dalam pasir itu, maka lubang ambal akan terbuka luas. Situasi ini dikaitkan oleh pengarang dengan makhluk aneh yang keluar dari kulit muka Cik Cengkerang apabila dia membuka mulutnya luas-luas. Pengarang bijak mengadunkan perkara tersebut sehingga otak pembaca ligat berfikir untuk mengaitkannya dengan setiap kebenaran cerita dalam cerpen berkenaan.

Jika ada ambal di dalam pasir itu, maka lubang ambal akan terbuka luas. Situasi ini dikaitkan oleh pengarang dengan makhluk aneh yang keluar dari kulit muka Cik Cengkerang apabila dia membuka mulutnya luas-luas. Pengarang bijak mengadunkan perkara tersebut sehingga otak pembaca ligat berfikir untuk mengaitkannya dengan setiap kebenaran cerita dalam cerpen berkenaan.

SAMBUNG HALAMAN 23